

# PELUANG KERJAYA DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut: (i) Mempunyai keterampilan yang baik; (ii) Mempunyai semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan; (iii) Mempunyai bakat kepimpinan; (iv) Mempunyai ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan (v) Mempunyai kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.



## DIPLOMA (KUMPULAN PELAKSANA)



### » PENOLONG PEGAWAI SAINS GRED C29 (AGENSI NUKLEAR MALAYSIA)

Kekosongan : 5 Simpanan: 30

#### Syarat Kelayakan :

- i. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat prinsipal dalam subjek Matematik atau Sains pada peringkat peperiksaan tersebut;
- ii. Diploma dalam bidang sains atau teknologi makmal yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- iii. Diploma dalam bidang kimia industri atau mikrobiologi yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

#### Syarat Bahasa Melayu :

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia.

#### Keperluan Bidang :

- Bioteknologi (814)
- Fizik (837)
- Kimia (818)
- Sains Gunaan (853)
- Forensik Sains (333)

#### Tambahan :

- Hanya calon yang kelayakannya telah mendapat kelulusan senat/ jawatankuasa berkaitan sebelum atau pada tarikh tutup iklan jawatan ini layak memohon.

Calon-calon yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan di atas tidak perlu mendaftar semula. Namun demikian sila pastikan pendaftaran permohonan masih dalam tempoh sah laku. Tarikh tutup permohonan baharu bagi jawatan ini adalah sebelum atau pada **17 Mac 2020 (Selasa) jam 11.59 malam**.

**MOHONLAH SECARA ONLINE DI PORTAL SPA**  
**<http://www.spa.gov.my>**

Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut :  
**<http://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/diploma-stp-stpm-stam-hsc/penolong-pegawai-sains-gred-c29>**